


Info grafik

## Antara punca banjir



Deen : Grafik BH

Info

## Bantuan mangsa banjir dan spesifikasi standard pembuatan sistem perparitan

→ 7 trak tunda dan 12 Skuad Penyelamat DBKL bersedia 24 jam.

→ Bilik Gerakan Bantuan Bencana boleh dihubungi di talian 03-40244244, 03-40267222, dan 019-2120031.

## → Faktor spesifikasi standard pembuatan sistem perparitan

terdiri daripada saiz parit, aras pembalakan (aras parit tertentu yang membolehkan air mengalir dari satu parit ke parit yang lain), peraturan kecerunan dan jenis parit dibina, iaitu konkrit atau bukan konkrit

# Parit tak mampu tampung hujan lebat

→ Jumlah taburan tertinggi direkodkan tahun ini

Oleh Nadia Hamid, Luqman Arif Abdul Karim dan Wan Nur Faliqha Wan Hazani  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi sebab banjir kilat kelmarin berpunca taburan hujan tiga kali ganda jumlah biasa, manakala Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendakwa sistem saliran tidak berfungsi baik sekali gus gagal menampung jumlah air hujan dalam waktu singkat.

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi DBKL, Datuk Mohd Sauffi Muhamad, berkata

taburan hujan menjangkau 106.5 milimeter, sekali gus merekodkan bacaan tertinggi tahun ini.

Katanya, sebagai penyelesaian jangka panjang, DBKL akan mengkaji kesesuaian sistem saliran sedia ada dan menambah baik fungsinya bagi memastikan banjir kilat di ibu kota tidak berulang pada masa depan.

### Bincang dengan kontraktor

Pengarah Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar DBKL, Abdul Aziz Yusoff, pula berkata banjir kelmarin di luar jangkaan dan pihaknya sedang berbincang dengan kontraktor pemaju untuk mengetahui punca kejadian.

Katanya, sejarah beberapa kejadian banjir kilat terdahulu membuktikan ia berlaku akibat pengumpulan sampah sarap seperti plastik dan daun kering selain jadual penyelenggaraan tidak lengkap.

“Sehubungan itu, jika ada pemilik kenderaan tersadai nak saman, teruskan (saman). Kita tak mampu halang kerana masih belum tahu punca sebenar,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Selain itu, katanya, DBKL sedang menjalankan kerja pembinaan terowong di Jalan Duta, namun tu-

rut melengkapkan sistem perparitan baharu seluas 3.04 meter.

Sementara itu, Pengarah Pengurusan Banjir JPS, Idris Yusoff, berkata kaedah pembinaan sistem perparitan di lokasi kejadian mengikut spesifikasi termasuk dilengkapi parit tepi jalan.


Bagaimanapun, katanya, beliau tidak menafikan kuantiti hujan lebat melebihi 60 milimeter (mm) sejam, menyebabkan sistem saliran tidak berfungsi dengan baik dan gagal menampung jumlah air hujan dalam waktu singkat.

### Sisa domestik dalam longkang

“Ketika hujan, sistem saliran (parit tepi jalan) menampung air dan mengalirkan jumlah air permukaan dan air sisa domestik ke longkang besar, seterusnya ke Sungai Klang tanpa menjejaskan struktur lain.

“Mungkin berlaku kerosakan dalaman seperti laluan tersumbat, menyebabkan tampungan air melimpah ke jalan,” katanya.

Idris berkata, ada penyelesaian membanteras banjir kilat termasuk memperbaiki kelemahan sistem perparitan dan saliran di ibu kota, namun memerlukan kos tinggi serta ruang yang luas



→ Apabila hujan lebat, sistem perparitan akan dipenuhi air. Jika wujud longgokan sampah dan ketidakseragaman saiz saliran, maka berlakulah fenomena banjir kilat